



AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH (empat dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen Perjanjian Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam: Perakaunan dan Pelaporan Kewangan antara Che Pee Samsudin (tiga dari kiri) dengan Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOP

Piawaian Perakaunan Islam dibentuk

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
ekonomi@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 4 FEB.**

JABATAN Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan membentuk Piawaian Perakaunan Islam bagi menyeragamkan pelaporan kewangan Islam untuk institusi wakaf, zakat dan baitulmal di negara ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, piawaian itu dibangunkan bagi menyelesaikan masalah dihadapi Majlis Agama Islam Negeri dalam penyeragaman laporan kewangan tahunan terutamanya melibatkan transaksi berkaitan wakaf.

Beliau berkata, ke arah itu, JANM hari ini telah memeterai perjanjian bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mendapatkan maklumat lebih komprehensif bagi membangunkan piawaian berkenaan.

Katanya, penyelidikan piawaian tersebut dijangka siap selewat-lewatnya hujung tahun ini sebelum dapat digunakan oleh institusi wakaf, zakat dan baitulmal.



Piawaian ini akan digunakan memandangkan institusi-institusi tersebut berada di peringkat negeri kecuali Wilayah Persekutuan iaitu di bawah kerajaan Persekutuan. Jika piawaian standard ini dibentuk, semua akan dapat menggunakannya."

AHMAD HUSNI HANADZLAH
Menteri Kewangan II

"Piawaian ini akan digunakan memandangkan institusi-institusi tersebut berada di peringkat negeri kecuali Wilayah Persekutuan iaitu di bawah kerajaan Persekutuan. Jika piawaian standard ini dibentuk, semua akan dapat menggunakannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas

menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam: Perakaunan dan Pelaporan Kewangan, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Akauntan Negara, Datuk Che Pee Samsudin.

Dalam pada itu, Ahmad Husni berkata, penyelidikan tersebut akan mengenal pasti jurang yang wujud antara amalan semasa perakaunan dengan pelaporan kewangan wakaf, zakat serta baitulmal dengan keperluan Piawaian Perakaunan Islam.

Kata beliau, penyelidikan itu juga bertujuan mengenal pasti keperluan syariah serta batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian berkenaan, selain membangunkan kerangka kerja secara konseptual berhubung pelaporan kewangan bagi wakaf, zakat dan baitulmal.

"Usaha ini bukan sekadar untuk kegunaan kita semata-mata tetapi juga untuk memperkukuhkan kepimpinan negara dalam dunia kewangan Islam. Ini lebih-lebih lagi apabila negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) melihat Malaysia sebagai sandaran mereka untuk membangunkan ekonomi negara-negara umat Islam," katanya.